

18 JUN 1999

Umno-Bahas (Maaf)

UMNO PERLIS DESAK SHAHNON MINTA MAAF KEPADA PERDANA MENTERI, IBUNYA

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Umno Perlis hari ini mendesak Sasterawan Negara Datuk Shahnnon Ahmad meminta maaf kepada Perdana Menteri dan ibunya kerana menulis novel "Shit" yang mengandungi perkataan memaki dan mencarut terhadap kedua-duanya.

Selain mereka, Shahnnon juga perlu meminta maaf kepada ibunya sendiri, kata wakil Umno Perlis Azihani Ali ketika membahaskan usul ucapan dasar presiden pada perhimpunan agung Umno di sini.

"Saya tak tahulah anak-anak berumur 70-an ibunya ada lagi atau tidak," katanya yang disambut gelak ketawa para perwakilan.

"Kita orang Islam faham kalau kita buat salah mencerca orang, kita mesti minta maaf kepada orang itu. Peluang minta maaf kepada Datuk Seri Dr Mahathir (Mohamad) memang ada tetapi peluang meminta maaf kepada ibu-ibu ... itu dia jawab di akhirat nanti," katanya.

Beliau juga menggesa Shahnnon supaya mengikuti contoh bekas-bekas aktivis PAS yang kini menjadi penceramah Umno seperti Ustaz Omar Khalid dan Ustaz Ghazali Ahmad yang keluar daripada PAS dan memohon maaf secara terang sambil mengakui kesalahan mereka yang lalu.

Azihani berkata kalau benar anggota PAS mahu mempertahankan dan memperjuangkan Islam adalah wajar mereka bersama-sama Umno.

Perdana Menteri dalam ucapan dasarnya menyatakan terkilan kerana Shahnnon dalam buku itu tergamak memaki dan mencarut terhadap beliau dan ibunya.

"Saya tidak tahu kenapa Shahnnon begitu marah dan benci kepada saya. Saya tidak pernah mengkritik Shahnnon jauh sekali memakinya," katanya.

Dr Mahathir berkata bagi bangsa Melayu, pantang ibu bapa dihina.

Menurutnya Shahnnon menulis buku itu kerana terpengaruh dengan corak penulisan barat yang penuh dengan perkataan yang orang di Timur malu untuk menyebutnya di khalayak ramai.

Dr Mahathir juga berkata beliau pernah berjumpa Shahnnon sekali dan selama beliau menjadi Perdana Menteri, Shahnnon memegang jawatan tinggi profesor bergaji besar serta memperolehi anugerah Sasterawan Negara.

"Tidak pernah saya menghalang kemajuan beliau. Buku-bukunya yang lepas dapat menjadi buku teks yang sudah tentu memberi keuntungan yang besar kepadanya. Cerpen PIEM dalam Dewan Sastera (1993) yang menghentam sayapun tidak menarik teguran atau kritikan atau kemarahan saya," katanya.

-- BERNAMA

ARA RON